

APRIL
BILANGAN 62

2026



WADAH

MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT



LIPUTAN UTAMA

PERSIDANGAN MPM

PERKUKUH PERANAN MASJID SEBAGAI
TERAS PEMBANGUNAN UMMAH



PROGRAM HiAsMeGa

MEMBINA SAHSIAH,
KEROHANIAN,
KEYAKINAN DIRI



PROGRAM GERAKAN
PEMUDA MASJID

MASJID SEBAGAI PUSAT
PEMBANGUNAN BELIA
DAN UMMAH



MAIPK SANTUNI ASNAF

MEMASTIKAN KEBAJIKAN
ASNAF TERBELA



BANTUAN BINA RUMAH

ASNAF MILIKI
RUMAH SEMPURNA



ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG

SERAMAI 30 ORANG
WARGA KERJA DIRAIKAN



LATIHAN
ELDERLY CARE

MENINJAU KEMUDAHAN
LATIHAN PENJAGAAN
WARGA EMAS



SEMINAR PENGENDALIAN
KES SEWAAN

MEMPERKUKUHKAN
PENGURUSAN KES PENYEWAWA

www.maipk.gov.my/



05-208 4000



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi
Pengurus Unit Penyelidikan dan Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

PEREKA GRAFIK

Muhammad Fitri bin Abd Hamid
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

April 2026/Bil.62

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

*Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.*

Tel:

05-2084000

Faks:

05-2414257

Laman web:

*www.majpk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>*

Emel:

korporat@majpk.gov.my

Facebook:

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tiktok:

MajlisAgamaIslamPerak

Isi Kandungan

<i>Sidang Redaksi</i>	2
<i>Titah Sultan Perak</i>	3
<i>Semasa</i>	12
<i>Keratan Akhbar</i>	32
<i>Penyaluran Dana Manfaat Wakaf Saraan Negeri Perak</i>	33
<i>Iklan</i>	34



TITAH DIRAJA

DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
AL-MAGHFUR-LAH

ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN KELIMA BELAS

TARIKH:
25 SYAWAL 1447 / 14 APRIL 2026 (SELASA)

WAKTU:
9.30 PAGI

TEMPAT:
DEWAN NEGERI, ARAS 2
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, IPOH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, ekonomi Malaysia pada tahun 2025, mencatat prestasi yang memberangsangkan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.2 peratus. Walaupun negara berdepan persekitaran global yang tidak menentu, permintaan domestik kekal kukuh menerajui pertumbuhan ekonomi. Melalui disiplin fiskal yang ketat, Kerajaan Persekutuan untuk dua tahun berturut-turut, berjaya mengatasi defisit fiskal, mencatat pencapaian lebih baik, 3.7 peratus berbanding pencapaian 4.1 peratus pada tahun 2024. Indikator makroekonomi yang kukuh memberi manfaat langsung kepada rakyat, khususnya menerusi pencapaian kadar pengangguran terendah, (2.9 peratus), dalam tempoh lebih sedekad, serta kadar inflasi yang rendah (1.4 peratus), di samping pengukuhan ringgit sebagai mata wang berprestasi terbaik di Asia pada tahun 2025.

2. Bagi tahun 2026, ekonomi negara diunjurkan pada asalnya berkembang sekitar empat hingga lima peratus. Apa juga unjuran dan harapan cerah ekonomi Malaysia bertukar wajah setelah teretusnya konflik baru di Asia Barat pada 28 Februari tahun ini. Konflik di Asia Barat berpotensi mencetuskan krisis ekonomi dunia dalam tempoh sederhana hingga jangka panjang jika krisis tersebut berlanjutan. Antara impak paling ketara yang dihadapi oleh dunia ketika ini ialah peningkatan kos logistik dan pengangkutan susulan faktor keselamatan. Impak keseluruhan terhadap Malaysia akan bergantung pada tempoh konflik ini berlangsung.

Oleh itu pertumbuhan ekonomi Malaysia perlu disemak semula jika konflik berlarutan dan menjadi semakin serius.

3. Dalam tahun 2025, Negeri Perak mencatat pelaburan berjumlah lima belas perpuluhan tujuh lima (15,755,348,465.00) bilion ringgit, melibatkan lima ratus enam puluh (560) projek; sepuluh perpuluhan lima (10,548,080,042.00) bilion ringgit pelaburan domestik, dan lima perpuluhan dua (5,207,268,423.00) bilion ringgit pelaburan asing. Hampir sembilan perpuluhan empat (9,388,661,212.00) bilion ringgit dilaburkan dalam sektor pembuatan, diikuti enam perpuluhan tiga (6,353,197,253.00) bilion ringgit dalam sektor perkhidmatan dan tiga belas perpuluhan lima (13,490,000.00) juta ringgit dalam sektor utama perladangan dan komoditi.

4. Kutipan hasil negeri pada tahun 2025, mencecah hampir satu perpuluhan lima (1.494) bilion ringgit, meningkat seratus enam puluh dua (162) juta ringgit berbanding kutipan hasil tahun 2024. Selama empat tahun berturut-turut, kerajaan Beta berjaya menutup akaun hasil disatukan dengan kedudukan surplus, mencatatkan lapan puluh lima juta ringgit surplus (sebelum diaudit) pada 31 Disember 2025.

5. Hasil yang meningkat telah membolehkan kerajaan Beta memperuntukkan satu perpuluhan enam (1.61) bilion ringgit perbelanjaan negeri bagi tahun 2026, merupakan peruntukan perbelanjaan tertinggi dalam sejarah negeri; seribu empat puluh lima perpuluhan lima (1,045.5) juta ringgit bagi maksud mengurus dan lima ratus enam puluh lapan (568) juta ringgit bagi maksud pembangunan.

6. Kerajaan Persekutuan, telah meluluskan 479 projek pembangunan di negeri Perak, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), dengan nilai 29.38 bilion ringgit; 331 projek sambungan, dan 148 projek baharu bernilai 9.7 bilion ringgit. Satu perpuluhan lapan enam (1.86) bilion ringgit siling peruntukan, diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama Tahun 2026.

7. Antara projek yang diluluskan melibatkan dua puluh tiga projek baharu di bawah Kementerian Pendidikan bernilai enam ratus dua puluh tiga (623.4) juta ringgit. Sektor kesihatan diluluskan enam projek baharu bernilai seratus lima puluh juta ringgit. Ekosistem industri halal turut diperkukuhkan dengan peruntukan seratus dua puluh empat perpuluhan tujuh (124.7) juta ringgit untuk Pembangunan Taman Industri Halal Perak di Lekir. Ekosistem pembangunan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) diperkukuhkan, melibatkan kos dua perpuluhan lima bilion ringgit untuk kemudahan infrastruktur jalan; membina persimpangan baharu Lebuhraya Utara - Selatan di kilometer seratus tujuh puluh lapan (KM178.3), dan jalan baharu laluan negeri ke laluan persekutuan di Seksyen (710), Kerian.

8. Lebuhraya Timur Barat (Jeli - Gerik) sepanjang 292 kilometer dibuka kepada orang ramai pada 1 Januari 1982 dan kini menjadi laluan strategik serta nadi penghubung utama Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Seratus lima belas (115) kilometer lebuhraya tersebut berada dalam negeri Perak. Keadaan fizikal lebuhraya yang mempunyai banyak selekoh merentasi kawasan bukit, ditambah faktor cuaca dan persekitaran, menyebabkan insiden kemalangan yang tinggi berlaku di lebuhraya ini. Sepanjang tahun 2025 sahaja, laluan ini mencatatkan 413 insiden kemalangan; mengakibatkan 26 nyawa terkorban, di samping 27 orang mangsa mengalami cedera parah. Kemalangan paling tragik berlaku pada pagi Isnin 9 Jun 2025, melibatkan 42 orang mahasiswa mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris, dalam perjalanan pulang ke kampus selepas berhari raya Aidiladha bersama keluarga. Lima belas (15) jiwa terkorban melalui kemalangan yang sangat ngeri lagi memilikkan hati. Selain itu, dua puluh insiden kemalangan yang

direkodkan turut melibatkan haiwan. Statistik ini memperlihatkan risiko tinggi laluan ini yang memerlukan usaha bersepadu segera dilaksanakan. Amatlah dihargai komitmen Kerajaan Persekutuan meluluskan tiga ratus lima puluh juta ringgit untuk projek menaik taraf Lebuhraya Timur - Barat, di samping seratus juta ringgit sambungan projek membaiki struktur turapan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

9. Kaedah tradisional tidak lagi memadai untuk menyelesaikan bermacam masalah rakyat mahupun memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Inovasi kini bukan sekadar pilihan dasar, malah merupakan satu keperluan. Kerajaan yang gagal berinovasi bukan sahaja akan ketinggalan dalam memenuhi ekspektasi rakyat, malah bakal kehilangan daya saing dalam landskap global yang semakin mencabar. Negeri Pintar menuntut keperluan modal insan yang kompeten untuk memberikan perkhidmatan yang efektif. Justeru, transformasi perkhidmatan awam perlu digerakkan secara agresif bagi melahirkan penjawat awam yang mahir mengemudi teknologi automasi dan kecerdasan buatan. Majlis Bandaraya Ipoh sebagai contoh, menjadi peneraju utama, memanfaatkan teknologi 5G dan kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan trafik pintar menerusi Ipoh Integrated Operation Command Centre. Sistem Pengurusan Lalu Lintas Pintar (SPLIT) hasil inovasi Majlis Bandar Raya Ipoh telah diiktiraf sebagai Johan Kumpulan Inovasi Kreatif Negeri Perak (kategori sosial) dan Naib Johan Johor Smart City Award 2025.

10. Infrastruktur digital negeri, kini dipertingkatkan menerusi pengukuhan rangkaian 5G dengan pembinaan tiga ratus satu pemancar baharu dan pembangunan Pusat Data Negeri berkonsepkan Teknologi Hijau. Ketersediaan infrastruktur ini merupakan tulang belakang kepada ekosistem negeri pintar yang holistik demi melonjakkan kualiti hidup rakyat menerusi persekitaran yang lebih selamat, lestari dan sejahtera.

11. Kerajaan Beta menzahirkan penghargaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang telah

meluluskan peruntukan 350 juta ringgit untuk pembangunan bandar pintar dan membolehkan Pusat Kawalan dan Operasi Rangkaian Bersepadu Negeri Perak dibangunkan. Tujuh daripada lima belas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Perak telah diiktiraf sebagai Smart City Early Adopters oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; sementara enam PBT lagi akan menyusul pada tahun 2026. Pembangunan Pusat Kawalan dan Rangkaian Bersepadu akan berperanan sebagai pemangkin bagi mencapai visi negeri pintar, sekali gus memacu kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meraih pengiktirafan Smart City Early Adopters. Pusat kawalan yang akan dibangunkan ini akan menjadi nadi operasi negeri yang berhubung terus dengan setiap PBT. Pusat ini bukan sekadar pusat kawalan, tetapi wadah penyelarasan keselamatan awam, pengurusan bencana, pemantauan aset melalui analitik data serta teknologi kembaran digital, sekali gus menyokong kaedah membuat keputusan secara strategik, di samping berupaya memantau hasil kerajaan secara berpusat.

12. Teknologi terancang tidak memberi makna, sekiranya gagal menyentuh denyut nadi rakyat, malah dibimbangi berkemungkinan melebarkan lagi jurang kesenjangan sosial. Agenda pendigitalan yang bersifat inklusif kini telah menyantuni seratus tujuh puluh enam ribu (176,379) rakyat melalui rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI). Pencapaian Ahmad Salimie bin Baskani dari NADI Bukit Chandan, Kuala Kangsar, seorang OKU yang berjaya merangkul tempat ketiga di Malaysia Culinary World Cup 2025 di bawah kategori biskut; serta kejayaan anak-anak NADI Felda Gunung Besout Satu, meraih tiga pingat emas dalam pertandingan robotik, pengaturcaraan dan pemikiran pengiraan antarabangsa di Bangkok, menjadi contoh cerita kejayaan yang dapat dicapai jika peluang saksama disediakan kepada rakyat di semua peringkat merentasi kawasan. Inilah manifestasi sebenar transformasi digital yang dihasratkan, teknologi yang memanusiaikan pembangunan, tidak menghakis nilai insani, serta memperkasa potensi setiap lapisan rakyat agar tiada yang tertinggal.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

13. Membangunkan generasi yang cakna terhadap kelestarian alam sekitar wajib diberikan perhatian. Amatlah bertepatan dengan tuntutan semasa, usaha yang dirintis oleh sekolah, melalui Program Sekolah Tunas Hijau, yang menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri melalui budaya lestari amalan hijau dalam kalangan murid. Di bawah fasa satu program ini, seratus dua puluh lima buah sekolah telah berjaya mengurangkan seratus lapan puluh enam (185.61) tan sisa plastik, sekali gus menyumbang kepada pengurangan lebih enam ratus ribu (629,973.55) kilogram jejak karbon dioksida setara (CO₂e). Kanak-kanak perlu dididik memahami kepentingan kitar semula, fungsi hutan sebagai kawasan tadahan air serta peranan paya bakau sebagai benteng semula jadi daripada hakisan dan ribut.

14. Majlis Agama Islam bersama Jabatan Agama Islam turut memperlihatkan kepekaan membantu usaha-usaha kelestarian alam sekitar. Enam puluh satu buah masjid telah dilengkapi sistem tenaga solar. Masjid-masjid digalakkan untuk memperkenalkan, membimbing dan menyediakan kemudahan untuk program kitar semula. Sekolah-sekolah di bawah Jabatan Agama Islam mengamalkan dasar sifar penggunaan plastik sekali guna.

15. Ancaman sisa plastik tiada noktahnya. Dukacita kesedaran masyarakat akan bahaya sisa plastik tersangat rendah. Usaha intervensi yang dilaksanakan tidak membuahkan hasil menurut yang dihasratkan. Demi memelihara masalah umum dan menjamin kelangsungan hidup generasi pewaris, berkuat kuasa 1 Mac 2026, kerajaan Beta menetapkan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna di semua premis perniagaan tetap, serta di kawasan sensitif alam sekitar. Kita tidak boleh lagi berlengah atau sekadar mengharapkan kesedaran timbul dengan sendirinya tatkala alam sekitar berada dalam keadaan yang semakin tenat.

16. Khazanah alam semula jadi adalah manifestasi keagungan Ilahi. Manusia dan hidupan liar diciptakan untuk hidup secara simbiosis dan saling melengkapi demi keseimbangan ekosistem. Beta menyambut baik pelaksanaan Pelan Tindakan

Pemuliharaan Harimau Malaya yang berpaksikan kelestarian habitat, serta penubuhan Pusat Santuari Gajah Perak di Gerik sebagai inisiatif strategik menangani konflik manusia dan haiwan secara berperikemanusiaan dan berasaskan sains konservasi. Usaha-usaha ini, disokong dengan pengkalan hampir satu juta (988,723.93) hektar Hutan Simpanan Kekal di negeri ini, diperkukuh melalui komitmen terhadap Pelan Induk Central Forest Spine sebagai kerangka strategik perancangan guna tanah yang lestari dan bersepadu.

17. Pengurusan alam sekitar tidak boleh lagi dianggap isu sampingan dalam era perubahan iklim yang sedang dialami. Perubahan iklim telah memberi kesan kepada jutaan manusia di seluruh dunia. Cuaca ekstrem dan bencana akibat perubahan iklim menyebabkan kerosakan harta benda dan berlakunya migrasi penduduk di kawasan-kawasan yang dilanda bencana. Perubahan iklim meningkatkan risiko banjir besar, kemarau dan tanah runtuh yang memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Sedarilah! Apabila manusia melakukan kezaliman secara berlebihan kepada alam sekitar, alam sekitar akan bertindak balas dengan memulangkannya kembali dalam bentuk bencana. Kos pemulihan bencana yang tinggi, membuktikan kerosakan alam sekitar pada akhirnya akan membebankan negara dan negeri dengan tanggungan kewangan yang lebih besar. Alam sebenarnya sedang memberi maklum balas terhadap perbuatan manusia yang telah melampaui batas etika dan rasional ekologi. Oleh itu wajib disedari bahwa pengurusan alam sekitar yang strategik akan menentukan masa hadapan negara. Penyelesaian sebenar bukan terletak pada penguatkuasaan undang-undang tetapi pada perubahan falsafah, daripada penguasaan kepada kebertanggungjawaban, daripada eksploitasi kepada penjagaan, dan daripada keangkuhan manusia kepada kerendahan diri sebagai sebahagian daripada alam.

18. Berdasarkan data satelit NASA, dunia kini menyaksikan peningkatan intensiti cuaca ekstrem merangkumi bencana banjir dan kemarau yang melonjak dua kali ganda dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, berbanding purata rekod 2003 hingga 2020.

Malah, kita sedang berdepan dengan fenomena Hydroclimatic Whiplash; iaitu peralihan drastik daripada musim kemarau yang gersang kepada banjir besar yang melampau, berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Keadaan ini telah memberi tekanan terhadap daya tahan infrastruktur sedia ada yang kini sukar untuk menampung impak bencana luar jangka. Oleh itu langkah-langkah proaktif mitigasi banjir diutamakan demi menjamin keselamatan dan kelangsungan hidup rakyat. Pelaksanaan projek tebatan banjir serta penyelenggaraan sungai yang berfokus telah mengurangkan jumlah lokasi titik panas (hotspot) banjir di seluruh negeri daripada tiga ratus tiga puluh dua lokasi pada tahun 2024 kepada dua ratus lapan puluh lokasi pada tahun 2025.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

19. Ekonomi biru ialah model ekonomi yang amat menitikberatkan penggunaan sumber laut, pesisir dan air tawar secara lestari untuk pertumbuhan ekonomi, peningkatan taraf hidup dan pekerjaan, sambil memelihara kesihatan ekosistem. Sektor perikanan diperkukuh melalui pendekatan ekonomi biru berasaskan sains, teknologi dan inovasi untuk mempertingkatkan hasil tangkapan serta konservasi. Sejak 2014 hingga 2025, sembilan puluh sembilan unit tunkun telah dilabuhkan bagi menyokong habitat pembiakan ikan, perikanan, rekreasi dan kedaulatan laut. Pada tahun 2025, jumlah pendaratan mencecah empat ratus sebelas (410,759.83) ribu tan metrik bernilai hampir tiga perpuluhan empat (3.37) bilion ringgit.

20. Sumber perikanan sangat bergantung pada habitat dan ekosistem marin yang sihat. Sehubungan dengan itu Jabatan Perikanan telah melaksanakan program restorasi karang di Kepulauan Sembilan bagi memelihara dan memulihara semula habitat terumbu karang di kawasan tersebut. Program ini dapat membantu memelihara dan memperkukuhkan ekosistem marin di Kepulauan Sembilan, sekali gus menyokong kelestarian sumber perikanan serta keseimbangan biodiversiti laut di kawasan tersebut. Jabatan Perikanan turut aktif melaksanakan usaha pemuliharaan spesies terancam di negeri Perak seperti gamat emas.

Sepanjang tempoh 2024 hingga 2025, kira-kira dua ratus ekor gamat emas telah dilepaskan di kawasan Pulau Pangkor, termasuk di sekitar Pusat Konservasi Penerangan Penyu Teluk Ketapang. Usaha konservasi penyu terus diperkukuh melalui pelbagai program kesedaran dan pengurusan pusat konservasi yang aktif. Sepanjang tahun 2025, lima puluh dua program konservasi penyu telah dilaksanakan oleh Pusat Konservasi Penyu Teluk Ketapang, Pangkor dan Segari.

21. Usaha memperkaya stok ikan air tawar turut dipergiatkan. Dua perpuluhan empat juta benih ikan asli dilepaskan di perairan umum sepanjang tahun 2025. Di samping itu, sepuluh tan metrik ikan asing berjaya dilupuskan sebagai salah satu langkah intervensi kritikal untuk mengembalikkan dominasi spesies tempatan di perairan negeri.

22. Beberapa komponen sektor ternakan telah mencapai tahap pengeluaran, keperluan dan sara diri (SSR) melebihi seratus peratus; daging dan telur serta hasil tenusu menunjukkan perkembangan yang sangat positif, pencapaian hampir dua ratus tiga puluh (228.48) peratus bagi ayam pedaging, serta hampir dua ratus (198.54) peratus ayam dan itik penelur, begitu juga (197.7) hasil tenusu.

23. Sehingga tahun 2025, dua ribu lima ratus tujuh belas (2,517) buah ladang merangkumi keluasan lapan ribu sembilan ratus lima puluh satu hektar (8,951), menyamai tiga belas (13.1) peratus daripada enam puluh lapan ribu (68,173) hektar kawasan ladang, telah diberikan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP-Malaysia Good Agriculture Practice). Dalam tahun semasa, Jabatan Pertanian menasaskan 512 ladang lagi akan memenuhi kriteria layak diberikan sijil berkenaan.

24. Ekosistem keterjaminan makanan perlu menyeluruh bermula dari kediaman hingga ke peringkat komuniti. Sehingga tahun 2025, Program Keterjaminan Makanan telah melibatkan seratus lapan belas buah masjid sebagai pusat penggerak komuniti, manakala Projek Pertanian Bandar turut melibatkan dua ratus dua puluh tiga komuniti merangkumi kawasan perumahan, masjid dan surau, sekolah, perpustakaan serta tanah terbiar. Dengan peruntukan tiga

perpuluhan dua tiga (3.23) juta ringgit, program ini telah memberi manfaat kepada hampir lapan puluh lima ribu (84,900) orang.

25. Pemahaman pentingnya keterjaminan makanan perlu diperluaskan melalui penglibatan generasi muda. Jabatan Pendidikan telah melaksanakan Program Cabaran Inovasi Keterjaminan Makanan di seratus enam belas buah sekolah dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. Program ini berjaya mendidik peserta aspek kelestarian, amalan kitar semula, pemakanan sihat serta aplikasi teknologi seperti Internet of Things (IoT), automasi, akuaponik, baja bio dan pemprosesan makanan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

26. Melalui pelbagai program, antaranya pepadanan kerjaya, bantuan modal perniagaan, latihan kemahiran, serta bantuan kebajikan, kerajaan Beta terus berusaha menangani isu kemiskinan. Jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) miskin yang dikunci dalam data Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri pada 7 April 2025, berjumlah dua puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh lapan (25,638). Data pada 31 Disember 2025, menunjukkan seramai sebelas ribu, enam ratus empat puluh lapan (11,648) Ketua Isi Rumah telah berjaya dikeluarkan daripada senarai miskin, pencapaian 45 peratus, mengatasi sasaran 33 peratus yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan. Berdasarkan data eKasih, seramai 732 Ketua Isi Rumah berstatus miskin tegar berjaya dinoktahi, merekodkan pencapaian seratus peratus.

27. Pada masa yang sama, perlu diberikan perhatian tentang kemungkinan munculnya kumpulan miskin baharu atau kumpulan yang tidak kekal terus berada atas paras kemiskinan, disebabkan menghadapi faktor-faktor hutang, kesihatan, kos hidup yang meningkat, perpindahan, krisis rumah tangga, kematian ketua isi rumah, dan sebagainya. Usaha membasmi kemiskinan ialah usaha yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang pelbagai secara berterusan. Fokus perlu diberikan kepada usaha untuk meningkatkan modal budaya

dan modal sosial ahli keluarga yang berada dalam kategori miskin, terutama anak-anak keluarga miskin melalui peluang pendidikan yang saksama. Program pendidikan terbukti merupakan salah satu program rekayasa sosial yang berjaya mengubah status sosial dan status ekonomi individu dan keluarga.

28. Pendidikan merupakan teras utama pembangunan modal insan. Pelbagai inisiatif kini dirintis bagi memastikan tiada pelajar yang tidak mendapat akses kemudahan pendidikan, dan tiada pelajar yang tercicir daripada arus pembelajaran. Pelancaran Sekolah Terapan (PROKHAS) di Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Kemar, Hulu Perak yang menggunakan model pembelajaran di atas air, telah membantu mengatasi isu keciciran murid Orang Asli di kawasan pedalaman. Program Pendidikan Komprehensif K11 dilancarkan, untuk memastikan lebih seribu tujuh ratus (1,761) murid Orang Asli di tiga buah sekolah rintis dapat menamatkan pengajian hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

29. Dalam usaha memastikan anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan tidak tercicir, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti hidup dan pembelajaran murid di asrama, melalui pelaksanaan Program Asrama Harian, Sistem Keluarga Asrama (SisKA), Program Kelas TAKMIR, Program Transformasi Asrama MADANI, Bantuan Persekolahan Khusus Asrama dan Penyediaan Kemudahan Perabot Asrama.

30. Sepanjang tahun 2025, sejumlah 5.83 juta ringgit pembiayaan Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak telah memberi manfaat kepada 873 orang pelajar. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), telah menyalurkan dua puluh enam perpuhuan satu juta ringgit bantuan pendidikan kepada empat puluh lima (45,066) ribu orang pelajar. Yayasan Perak pula menyediakan peruntukan enam belas perpuhuan tujuh (16,655,455.00) juta ringgit untuk membiayai pelbagai program pemerkasaan pendidikan.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

31. Terletak dua buah penjara dan tiga pusat koreksional di negeri Perak, menempatkan

lebih lapan ribu orang banduan. Secara purata setiap bulan seramai sembilan ratus orang banduan menamatkan hukuman, meninggalkan alam penjara untuk kembali menyertai masyarakat. Para banduan telah melalui pengalaman ditangkap oleh pihak polis, melalui pengalaman percicaraan oleh mahkamah, dan melalui pengalaman tahanan oleh jabatan penjara. Bekas banduan akan terus terperangkap dalam putaran kejam akibat stigma dan persepsi negatif masyarakat yang menyukarkan golongan tersebut memulakan hidup baharu. Putaran kejam ini akan terus terjadi sekiranya masyarakat tidak berempati dengan situasi mereka, menyebabkan mereka terpaksa berhadapan dengan prejudis dan diskriminasi sosial.

32. Perlu ada badan yang memberikan perhatian kepada banduan yang telah tamat menjalani hukuman. Dengan perkenan Beta, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Penjara Negeri Perak, merintis program pembangunan ummah dengan memperkenalkan 'model koreksional Islamik' berimpak tinggi di Pusat Koreksional Batu Gajah dan di Penjara Tapah, dalam usaha pemulihan menyeluruh insan dari sudut jasmani, emosi, akal dan akhlak. Mulai Januari 2025, akademi tahfiz diwujudkan di Pusat Koreksional Wanita Batu Gajah; dan mulai Februari 2025, program hafazan al-Quran telah diperkenalkan di Penjara Tapah.

33. Selanjutnya, Beta turut memperkenankan untuk MAIPK bekerjasama dengan Jabatan Penjara Perak merintis usaha membantu banduan-banduan yang dibebaskan dari penjara. Beta telah menitahkan agar MAIPK memikirkan dana yang boleh digunakan untuk membiayai banduan yang dibebaskan berpeluang mengikuti program latihan kemahiran yang sesuai agar mereka dapat segera memulakan hidup yang produktif pasca menjalani hukuman penjara. Oleh itu badan-badan berkanun, GLC negeri, dewan-dewan perniagaan serta NGO disarankan tampil ke hadapan, berperanan konstruktif membantu banduan yang telah selesai menjalani hukuman untuk dapat memulakan hidup baharu secara produktif.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

34. Belia merupakan aset dan pewaris kepimpinan masa hadapan. Jati diri belia perlu diperteguh melalui penerapan serta penghayatan asas agama, adab serta pendidikan yang syumul. Pembangunan modal insan yang mantap amat kritikal bagi melahirkan generasi yang mampu melakar pencapaian luar biasa demi kemakmuran negeri.

35. Inisiatif serta program berpaksikan pemerksaan belia hendaklah diperbanyakkan dan dipergiat. Usaha siswa Yayasan Perak, 'Satu Parlimen - Satu Kelab Rakan Muda' dan aktiviti sukarelawan telah menggilap potensi kepimpinan anak muda, seterusnya membentuk jati diri yang kukuh bagi melahirkan generasi pelapis yang berwibawa. Wakil belia turut dilantik menjadi ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, juga menjadi ahli Jawatankuasa Baitulmal di setiap daerah.

36. Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) terus komited memperkasa golongan belia melalui program pembangunan yang menyeluruh dan berstruktur. Pelbagai inisiatif dirangka bagi meningkatkan nilai tambah kerjaya, kebolehpasaran dan kemahiran belia di seluruh negeri. Dua ratus dua puluh empat program dan kursus telah dirancang yang dijangka memberi manfaat kepada lebih lima belas ribu belia.

37. Bagi memastikan kelestarian warisan budaya, program tahunan People Of Remarkable Talent (PORT) iaitu Kem Belia Kreatif telah diperkukuh sebagai platform pendedahan intensif yang berfokuskan eksplorasi artistik, semangat kolaborasi, dan kepimpinan kreatif menerusi bimbingan tokoh-tokoh seni terkemuka. Seramai enam ratus orang belia telah berjaya dilibatkan, sekali gus menyuntik nafas baharu dalam ekosistem kreatif.

38. Anak-anak muda dari negeri Perak turut mengharumkan nama negara di persada sukan antarabangsa. Sembilan puluh dua orang atlet Negeri Perak terpilih mewakili negara dalam temasya Sukan SEA Thailand 2025. Lebih membanggakan, sebelas orang atlet tunas SUKMA Perak telah memperoleh sebelas pingat emas, tujuh pingat perak, dan lima belas pingat gangsa untuk negara.

Tujuh belas orang atlet dari negeri Perak telah mewakili negara ke ASEAN Para Games Thailand 2025 dengan kejayaan meraih tujuh pingat emas, empat pingat perak dan enam pingat gangsa. Pencapaian ini mencerminkan semangat juang, ketabahan serta iltizam yang tinggi para atlet dalam semangat mahu mengharumkan nama negeri dan negara.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

39. Dalam era pentadbiran yang menuntut ketelusan, kecekapan serta kepekaan terhadap aspirasi rakyat, sejak tahun 2022, kerajaan Beta telah memperkenalkan inisiatif untuk memperkukuh pendekatan tadbir urus yang responsif melalui Program MESRA Hari Bertemu Pelanggan. Program ini telah berjaya merapatkan jurang antara rakyat dengan pentadbiran negeri, melalui interaksi bersemuka, penyampaian perkhidmatan secara terus serta penyelesaian isu secara lebih pantas lagi berkesan.

40. Program ini secara keseluruhannya telah menjadi simbol kepada transformasi pendekatan pentadbiran kerajaan Beta yang lebih terbuka, telus dan responsif, berpaksikan rakyat. Program ini membuktikan iltizam jentera pentadbiran negeri yang prihatin, bersedia mendengar, memahami dan mengambil tindakan susulan untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat.

41. Program ini berperanan sebagai wahana penting dalam memperkukuhkan hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat. Melalui pendekatan yang lebih terbuka dan inklusif, program ini membolehkan rakyat menyuarkan pandangan, cadangan serta permasalahan secara langsung kepada pihak berwajib, sekali gus memastikan suara rakyat diberikan perhatian sewajarnya. Sepanjang tahun 2025, lapan program telah diadakan di sekitar negeri Perak.

Yang di-Pertua Dewan Negeri,

42. Ekonomi global kini berdepan ancaman besar akibat krisis tenaga susulan perang di Asia Barat, yang berpotensi mencetuskan krisis tenaga terburuk yang pernah dunia alami. Tiada suatu pun negara di dunia

dapat terlepas daripada tempiasnya. Dengan ekonomi yang terbuka, Malaysia juga terpaksa berdepan risiko pendedahan, menghadapi bukan sahaja kejutan harga minyak global, bahkan jaminan bekalan, yang dijangka memberi kesan rantaian kepada kos pengeluaran serta harga barangan dan perkhidmatan, kuasa beli rakyat dan inflasi, malah berkemungkinan beralih kepada tekanan fiskal, kerentanan perdagangan, juga sentimen pelabur, di samping risiko geopolitik yang kompleks.

43. Kerajaan Beta sewajarnya mengambil iktibar dengan apa yang sedang berlaku. Kerajaan Beta tidak boleh berpeluk tubuh, bersikap penonton yang pasif; sebaiknya kerajaan Beta hendaklah melihat krisis yang sedang berlaku sebagai loceng amaran untuk merintis angkah-langkah proaktif, langkah kurang kebergantungan kepada bahan api fosil sebagai penyelesaian jangka panjang. Kerajaan Beta sewajarnya segera melakukan usaha membangunkan kemudahan untuk menggalakkan rakyat memiliki opsyen, boleh beralih kepada tenaga alternatif, termasuk kenderaan elektrik; dan sumber tenaga boleh diperbaharui, solar dan hidro. Usaha peralihan kepada tenaga alternatif hendaklah dirancang, disegerakan, dan dilaksanakan secara bersungguh. Pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui bukan lagi pilihan, sebaliknya satu keperluan strategik yang wajib disegerakan.

44. Dalam menghadapi cabaran yang besar ini, di samping usaha-usaha yang dirintis oleh kerajaan, rakyat turut mempunyai tanggungjawab menghayati semangat berat sama dipikul, gunung sama didaki, berganding bahu membantu negara melalui detik yang sukar lagi mencabar dengan mengamalkan sifat berhemah dan berjimat cermat, membantu mengurangkan penggunaan bahan api seterusnya mengurangkan subsidi kerajaan. Rakyat hendaklah bijak mengamalkan gaya hidup berjimat tenaga melalui penggunaan elektrik yang terkawal, di samping mengamalkan budaya penjimatan dan mengelakkan pembaziran terutamanya bahan makanan.

45. Konflik Amerika Syarikat dan Israel dengan Iran bukan sekadar percaturan politik dan ketenteraan, bahkan membawa

kesan besar terhadap kestabilan, keselamatan serantau, ekonomi dunia dan emosi umat manusia. Negara perlu melakukan persiapan secara zahir dan batin untuk menghadapi kemungkinan krisis global yang berpanjangan. Kekuatan ekonomi domestik mesti diperkukuhkan, keselamatan makanan dipastikan, kestabilan kewangan dijaga dan perpaduan rakyat dipelihara supaya negara tidak mudah terpengaruh dengan sentimen dan sensasi. Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan menganut pelbagai agama, keharmonian ialah aset paling berharga yang wajib dipertahankan.

46. Negara berkemungkinan menghadapi risiko darurat tenaga dan bekalan makanan. Dalam usaha menangani krisis yang besar lagi kritikal ini, kerajaan dan rakyat perlu bersatu. Rakyat perlu difahamkan mengenai punca dan magnitud krisis yang sedang berlaku, serta kesan dan implikasi terhadap kehidupan harian mereka, melalui pola komunikasi berkesan, disampaikan dalam bahasa yang mudah difahami oleh rakyat biasa. Ini bukan masanya untuk menangguk di air keruh, mensensasikan dan mengeksploitasi keadaan bagi tujuan politik yang sempit. Anggota Dewan Negeri baik dipihak kerajaan begitu juga di barisan pembangkang, pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat, begitu juga pihak swasta dan kerajaan, hendaklah mencari titik pertemuan dan persamaan, menunjukkan semangat bersatu, saling bekerjasama untuk menangani krisis ekonomi yang bakal melanda, menghayati semangat kesetiaan kepada raja dan negara, membuktikan kesungguhan mengutamakan nasib rakyat, ke hilir sama menghilir, ke hulu sama menghulu; merangka formula berkesan untuk menangani keadaan yang sangat membimbangkan ini, demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat.

47. Semoga Negeri Perak Darul Ridzuan dilimpahi rahmat, dikurniailah keamanan dan dianugerahi kemakmuran; rakyatnya diberkati Illahi dengan taufik dan hidayah. Dengan lafaz Bismillahi Rahmani Rahim, Beta merasmikan Pembukaan Tahun Keempat, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Kelima Belas.



PERSIDANGAN MPM

PERKUKUH PERANAN MASJID SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN UMMAH

IPOH, 25 April 2026 – Persidangan Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak (MPM) Kali Ke-5 Bil.1/2026 telah berlangsung di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Persidangan telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Annuar bin Zaini.

Persidangan ini membincangkan usul serta cadangan pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh Ahli MPM dalam usaha memperkasa pengimarah masjid di seluruh negeri Perak secara lebih menyeluruh, tersusun dan berimpak tinggi.

Semoga peranan institusi masjid dapat terus diperkasa, diperkukuhkan secara berterusan, selari dengan keperluan semasa seterusnya menyumbang secara signifikan dalam kemajuan dan kesejahteraan ummah di Negeri Perak.

Persidangan MPM turut dihadiri oleh Orang Besar Jajahan Hilir Perak, YBhg. Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato’ Haji Meor Redwan bin Mahayudin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Syamsul Hazeman bin Md. Salleh, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, YBhg. Dato’ Haji Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim, Timbalan Mufti Perak, Sahibus Samahah Dato’ Haji Zamri bin Hashim serta barisan ahli MPM.

“memperkasa pengimarah masjid di seluruh negeri Perak secara lebih menyeluruh, tersusun dan berimpak tinggi.”



Anggota Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak

PENGGAL 2026 - 2027

Yang Dipertua MAJLIS

TAN SRI DATO' SERI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

**YAB. DATO' SERI SAARANI BIN
MOHAMAD**

Pengarah Jabatan Agama Islam Perak

**SAHIBUS SAADAH DATO' HAJI HARITH FADZILAH
BIN HAJI ABDUL HALIM**

Orang Besar Jajahan Hilir Perak

**ORANG KAYA KAYA LAKSAMANA RAJA MAHKOTA
DATO' HAJI MEOR REDWAN BIN MAHAYUDIN**

**Pengerusi di Masjid Muhammadiyah
(Masjid Cina), Ipoh**

**DATO' DR. HAJI FADZLI CHEAH BIN
ABDULLAH**

**Pengerusi di Masjid Abdul Rahman Auf,
Taman Rapat Koperasi, Ipoh**

DR. KHAIRUDDIN BIN ABD MALIK

Bendahari di Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh
HAJI AWALLUDIN BIN AWANG

Pengerusi Masjid Jamek Bukit Jana

DATO' HAJI MAHMUD BIN HAJI MORSIDI

AJK Masjid Jamek Kemunting

HAJAH ROSSIAH BT ISMAIL

Pengerusi di Masjid An-Nur Batu 8

FADZIL BIN AHMAD

Pengerusi Muslimat di Masjid Paloh

ROHANIAH BT RAZALI

Setiausaha di Masjid Muhammad Al-Fateh

MOHAMAD NAZRIN BIN ABDUL NASIR

Imam (AJK) SDJ Al-Barakah Taman Berkat

MOHD FADHIL BIN SULAMAN

Anggota Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak

PENGGAL 2026 - 2027

Timbalan Pengerusi Masjid Daerah Parit Buntar,
Kerian

**PROF IR. DR. BADORUL HISHAM ABU
BAKAR**

AJK Masjid Daerah Kerian, Parit Buntar
HAJAH MARDZIAH BINTI ELIAS

Setiausaha Masjid Al-Ridzuan
MOHD HUSAIRI BIN ABDULLAH

Pengerusi di Masjid Ar-Rahmaniah,
Kampung Pasir Salak
NORAZRI BIN SOKOR

Ahli Jawatankuasa di Masjid Sultan Azlan Shah,
Kampong Gajah
MUHAMMAD MUAZ BIN RAMLI

Ahli Jawatankuasa Kariah di Masjid Al-Makmur,
Sungai Galah
MELOR BINTI KAMARUDIN

Pengerusi di Masjid Bandar Universiti,
Seri Iskandar
AZMAN BIN ZAINONABIDIN

Biro Belia Masjid di Masjid Ghofraniah,
Kg. Titi Gantung
**MUHAMAD RIDHUWAN BIN MOHAMAD
NOOR**

Biro Muslimat Masjid Ar-Rahmaniah,
Kg. Padang Changkat, Bota Kanan
ROSS BINTI MOHD LATIF

Pengerusi Masjid Al-Hkwan,
Taman Bernam Baru
MOHD NAZRI BIN MD SAAD

Ketua Helwa Masjid Ehsaniah Kg. Kelan
ZAHIDA BINTI ISMAIL

Pengerusi Kariah Masjid Jamek Nurussalam
Batu 4 Gerik
AHMAD HAFIDZ BIN SHAFEI

AJK di Masjid Al-Hamidiah, Kg. Kenayat
MUHAMMAD FIKHRI BIN MOHD RAZMAN

Pengerusi di Masjid Jamek Al-Mansur,
Sungai Lampam
HJ. AGUS LOKMAN BIN SULAM

Setiausaha di Masjid
Ar-Rahmaniah Labu Kubong,
Chenderong Balai
MUHAMMAD FIRDAUS BIN KAMARUDIN

AJK di Masjid An-Naim, Taman Seri Setia
MAZNAH BINTI ABDULLAH

Pengerusi Masjid Sungkai Perak
MD ALIAS BIN HALIP

Setiausaha Biro Muslimat Masjid Sultan
Nazrin Muizzuddin Shah, Tapah
ANIZA BINTI NOZLAN

AJK Masjid Jamek Tapah Road
**MUHAMMAD NUR ARIF BIN MOHAMAD
AZIAN**

Pengerusi Masjid Al-Hdriyah,
Bukit Bertam, Selama
MOHD NAJIB BIN AHMAD

AJK Masjid Al-Aziziah Sungai Bayor
KHAZAIMAH BINTI MOHD DAUD

Anggota Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak

PENGGAL 2026 - 2027



Pengerusi di Masjid Raja Permaisuri Bainun
MUHAMAD ANUAR BIN BASIR

Pengerusi di Masjid
An-Nur Hidayatul Muttaqin,
Kg. Orang Asli Bawong, Sg. Siput
WAN MASINDRA BIN JUJA

Setiausaha di Masjid As-Saudah
Kampung Jamuan
MOHD SALEHUDDIN BIN ZABIDI

Pengerusi di Masjid An-Nuhiah, Kampung Ribu
**MUHAMMAD FAZRIN BIN MAHAMAD
NAZERI**

Timbalan Pengerusi Masjid Jamek Lenggong
RAZLI BIN AHMAD

AJK Masjid Rahmaniah, Kampung Chepor
MELOR SALEHER BINTI ABD HAMID

Timbalan Pengerusi di Masjid Daerah
Bagan Serai
MOHD SA'AD BIN HASHIM

Pengerusi Masjid Jamek Matang Gerdu
ABD RAHMAN BIN AWANG

Setiausaha di Masjid Al-Aula Simpang Empat,
Hutan Melintang
MOHD NASOHA BIN MD. NASIR

Pengerusi Biro Wanita Masjid Ubudiah
SALMAH BINTI YAHAYA

AJK di Masjid Sultan Idris Shah II, Sungai Tiang
Baroh
ABDUL RAZAK BIN AHMAD

Setiausaha di Masjid Imaniah, Jalan Bemban
SHAMSHUL BIN MUSTAFA



Setiausaha di Masjid Jamek Pengkalan Hulu
SIRAT BIN ABDULLAH

Bendahari di Masjid Haji Isa Batu 8, Lekir
MOHD YUSOF BIN MOHAMED ISA

Biro Muslimat Masjid Nurul Takzim, Kg. Baru
(L)
NOR AIDA BINTI SHA'ARI

Pengerusi Masjid Ar- Raudah Kampung
Tersusun Batu 7, Lekir
MOHAMAD AKHIR BIN ABDUL LATIF

Biro Dakwah Masjid Nurul Hidayah
**MUHAMMAD TAUFIQ BIN ABDUL
MUTALIB**

Bilal dan AJK Masjid An-Nur (Masjid Daerah
Kampar)
MUHAMAD ZULHUSNI BIN ROSLAN

AJK Masjid Jamek Baru Gopeng, Perak
HAMIDAH BINTI FAKIR MOHD



Majlis Penyampaian Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPK
TAHUN PENILAIAN 2025

IPOH, 3 April 2026 – Seramai 30 orang warga kerja Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun penilaian 2025 yang berlangsung di Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Majlis berprestij ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, yang turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para penerima sebagai simbol pengiktirafan terhadap kecemerlangan prestasi kerja, komitmen serta dedikasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Penganjuran majlis seumpama ini diharapkan menyuntik semangat dan motivasi kepada seluruh warga kerja MAIPK untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan, di samping mengekalkan budaya kerja cemerlang dan berintegriti sekali gus mampu memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap MAIPK sebagai institusi yang berperanan penting dalam pengurusan zakat dan wakaf di Negeri Perak.



YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini bersama 30 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIPK

Yang Dipertua MAIPK lancar

Program Gerakan Pemuda Masjid

di Masjid Abdul Rahman Auf



IPOH, 25 April 2026 – Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Gerakan Pemuda Masjid (Fityatul Masjid) yang berlangsung di Masjid Abdul Rahman Auf.



Gerakan Pemuda Masjid merupakan satu inisiatif strategik yang digerakkan bagi memperkasa peranan institusi masjid sebagai pusat pembangunan belia dan ummah. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan menggalakkan kehadiran golongan belia ke masjid, malah berperanan membentuk generasi muda yang istiqamah dalam menunaikan solat berjemaah, mencintai ilmu serta berkemahiran dalam tilawah dan penghayatan al-Quran.



Semoga Gerakan Pemuda Masjid seperti ini akan menjadi pemangkin kepada kebangkitan generasi pemuda masjid yang progresif dan mampu menjadi pelapis kepimpinan masa hadapan yang berwibawa.





Amil Agihan MAIPK



IPOH, 6 April 2026 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Taklimat Amil Agihan bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan sebagai usaha memperkukuh sistem penyampaian bantuan zakat di peringkat akar umbi. Program ini menghimpunkan para Amil Agihan, wakil NGO serta pegawai MAIPK bagi memperkasa kefahaman dan kecekapan dalam pengurusan agihan zakat secara lebih tersusun, telus dan berimpak tinggi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Beliau menegaskan peranan MAIPK dalam mendepani cabaran semasa termasuk ketidaktentuan ekonomi global yang memberi kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat. Beliau turut memaklumkan bahawa prestasi zakat MAIPK bagi tahun 2025 mencatatkan kutipan sebanyak RM271 juta dengan jumlah agihan RM261 juta yang memberi manfaat kepada pelbagai golongan asnaf di seluruh negeri Perak.



Sepanjang program, beberapa slot pengisian telah disampaikan merangkumi Skim Agihan Zakat, Teori dan Praktikal Pengiraan Had Kifayah, serta pengenalan sistem digital MAIPK Bestari. Selain itu, sesi petang memberi fokus kepada aspek pemantapan tadbir urus melalui Pengurusan Laporan Siasatan dan Pengurusan Tuntutan Komisen Amil Agihan, sekali gus memperkukuh integriti dan akauntabiliti dalam pelaksanaan tugas amil.

Program ini turut menjadi platform pengukuhan jaringan apabila seramai 18 Amil Agihan dan 8 wakil NGO dilantik dalam menjayakan projek rintis agihan zakat. MAIPK berharap pelaksanaan inisiatif ini akan mempercepatkan proses agihan, memastikan maklumat asnaf sentiasa dikemas kini serta menjamin tiada golongan yang layak tercicir.

Lawatan Rasmi

DYAM Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan ke

Galeri Wakaf Diraja Sultan Idris Mursid-UI-Adzam Shah serta

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakan Strategik



KUALA KANGSAR, 29 April 2026 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Tuan Syamsul Hazeman bin Md. Salleh hadir sebagai antara dif kehormat bagi mengiringi DYAM Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah. Majlis ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan strategik antara institusi Wakaf Diraja Sultan Idris Mursid-UI-Adzam Shah bersama rakan kerjasama serta memperlihatkan peranan dan inisiatif Galeri Wakaf Diraja dalam pembangunan warisan, sosioekonomi dan kelestarian Wakaf Diraja Sultan Idris Mursid-UI-Adzam Shah.



80 Penerima Biasiswa Pelajaran **Sertai Program**



SERI ISKANDAR, 23 April 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) menganjurkan program Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) yang telah dilaksanakan selama 3 hari 2 malam di Universiti Teknologi PETRONAS, Tronoh.

Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kehidupan di kampus bagi membina jati diri, minda dan kerohanian menuju alam mahasiswa di menara gading. Para peserta lepasan SPM 2025 ini didedahkan dengan elemen pembinaan sahsiah, kerohanian, keyakinan diri dan kemahiran komunikasi, pendedahan akademik serta hala tuju selepas SPM serta pengalaman kehidupan di universiti.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Ketua Pegawai Operasi MAIPK. Turut serta Tuan Haji Mohd Fadil bin Mohd Ariff, Chief of Business Planning Marketing and Performance UTP, Encik Rohizan bin Omar, Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat MAIPK, Encik Suhaimi bin Yusoff, Pengurus Besar Bahagian Zakat MAIPK dan Encik Zulkarnain bin Abdul Director of Marketing and Admission UTP.

MAIPK terus komited dalam pembangunan pendidikan pelajar asnaf di Negeri Perak. MAIPK berharap para peserta terus maju jaya menempuh alam universiti dan dapat mengubah taraf ekonomi keluarga pada masa hadapan.



MAIPK tinjau latihan **Elderly Care,** buka peluang kerjaya asnaf



CHERAS, 9 April 2026 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) mengadakan kunjungan hormat ke Komune Care Living & Wellness sebagai sebahagian usaha memperkukuh jaringan strategik dalam bidang kemahiran asnaf.

Delegasi MAIPK diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, bersama barisan pegawai. Lawatan ini bertujuan meninjau kemudahan latihan dalam bidang penjagaan warga emas (elderly care), di samping meneroka potensi peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada golongan asnaf dalam sektor tersebut.

Sebagai langkah proaktif, MAIPK sentiasa memastikan hanya institusi yang benar-benar berkelayakan, berpengalaman serta mampu menawarkan jaminan penempatan pekerjaan diberi keutamaan. Komitmen ini penting dalam memelihara integriti MAIPK terhadap golongan asnaf, dengan matlamat memutuskan rantaian kemiskinan melalui laluan latihan dan kerjaya yang mampan.

MAIPK tidak berkompromi dalam menentukan masa depan asnaf dan setiap usaha adalah demi memastikan peluang terbaik dan masa depan yang lebih terjamin untuk mereka.



Kunjung Hormat

Pejabat Pembahagian Pusaka Perak



IPOH, 10 April 2026 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Baitulmal, Encik Ahamad Muzammil bin Arbain dan telah disambut oleh Tuan Haji Muhammad Muhaizan bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Pejabat Pembahagian Pusaka. Turut hadir ialah Encik Mohd Haikal bin Aris, Penolong Pengarah Kanan Pejabat Pembahagian Pusaka serta Encik ‘Abdullah Az Zubair bin Baharuddin, Penolong Pengarah Pejabat Pembahagian Pusaka.

Pertemuan ini memberi tumpuan kepada perbincangan berkaitan kaedah pengurusan harta pusaka yang melibatkan Bahagian Baitulmal, khususnya dalam usaha memperkemas tatacara pentadbiran serta memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua agensi.


Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak



IPOH, 16 April 2026 – Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak. Delegasi tersebut diketuai oleh Ketua Cawangan Khas Perak, SAC Ahmad Asmadi bin Abd Hashim, bersama Pegawai Cawangan Khas Perak, SUPT Haji Azmi bin Mat Isa. Pertemuan ini turut menjadi platform perkongsian pandangan dalam usaha memperkasa peranan institusi dalam memastikan kesejahteraan masyarakat terus dipelihara.

Kunjung Hormat

MyFundAction



IPOH, 21 April 2026 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menerima kunjungan hormat daripada MyFundAction. Kunjungan ini menjadi platform perbincangan strategik berkaitan potensi kerjasama dalam pelaksanaan program pembangunan komuniti, aktiviti kerohanian serta inisiatif kebajikan khususnya di masjid-masjid terpilih di Negeri Perak. MAIPk diwakili oleh Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat, Encik Rohizan bin Omar, manakala MyFundAction diwakili oleh Pengurus Projek Qurban Care for Ummah, Encik Mohd Effuan Aswadi bin Abdul Wahab.

Majlis Ugama Islam Sabah



IPOH, 28 April 2026 – MAIPk berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dalam satu sesi perbincangan strategik yang berlangsung di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Delegasi MUIS diketuai oleh Datuk Haji Mohd. Dandan @ Ame bin Haji Alidin, Ahli Majlis Tertinggi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, manakala pihak MAIPk diwakili oleh Mohd Said bin Mohd Rais, Ketua Pegawai Kewangan serta pegawai-pegawai melibatkan Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Unit Audit Dalam serta Unit Pengurusan Risiko, Kualiti dan Integriti.

Pertemuan ini membuka ruang perkongsian ilmu dan pengalaman khususnya dalam aspek pengurusan risiko, audit dalaman serta pelaksanaan projek pembangunan asnaf yang lebih berkesan dan berimpak tinggi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memperkukuh tadbir urus institusi Islam ke arah lebih telus, berintegriti dan progresif.

MAIPK Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf

Zon Utara

TAIPING, 1 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melalui Skuad Prihatin Asnaf Zon Utara telah mengadakan ziarah ke rumah seorang asnaf di Kampung Jelapang Jaya, Simpang bagi menyantuni golongan asnaf secara lebih dekat dan memastikan kebajikan golongan asnaf sentiasa terbela.

Lawatan tersebut melibatkan Encik Abdul Ghani bin Sulaiman yang menghidap penyakit kencing manis kronik sejak Disember 2025 dan isteri beliau turut mengalami masalah penglihatan akibat penyakit yang sama.

Prihatin dengan keadaan tersebut, MAIPK Cawangan Taiping telah mengambil tindakan segera dengan menyalurkan Bantuan Kecemasan secara sekali gus sebanyak RM500 yang telah disampaikan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Encik Mohd Saufi bin Ibrahim.

Selain itu, MAIPK turut meluluskan Bantuan Kewangan Bulanan sebanyak RM400 bagi meringankan beban perbelanjaan harian keluarga tersebut dan meluluskan Bantuan Perubatan bagi pembelian kerusi roda. Semoga bantuan yang disalurkan ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh Encik Abdul Ghani dan keluarga.



Zon Selatan



BIDOR, 8 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melalui Skuad Prihatin Asnaf Zon Selatan telah mengadakan ziarah ke rumah seorang asnaf di Kampung Jeram Mengkuang bagi menyantuni golongan asnaf secara lebih dekat dan memastikan kebajikan golongan asnaf sentiasa terbela.

Ziarah tersebut melibatkan Puan Aning binti Ithnin yang tinggal seorang diri setelah suaminya meninggal dunia pada tahun 2023. Beliau tidak mempunyai zuriat dan sedang diuji dengan penyakit darah tinggi dan kencing manis.

Prihatin dengan keadaan tersebut, MAIPK Cawangan Tapah telah mengambil tindakan segera dengan menyalurkan Bantuan Kecemasan secara sekali gus yang telah disampaikan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Selatan, Encik Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin.

Selain itu, MAIPK turut meluluskan Bantuan Kewangan Bulanan bagi meringankan beban perbelanjaan harian beliau. Semoga bantuan yang disalurkan ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh Puan Aning Binti Ithnin.



MAIPK Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf

Zon Utara



BATU KURAU, 10 April 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Zon Utara telah mengadakan ziarah ke atas waris mangsa kemalangan maut yang berlaku di Jalan Raya Barat, Klang, dengan menziarahi isteri mangsa, Nor Nadia binti Abdul Majid. Ziarah ini bertujuan menyampaikan sumbangan serta menilai keperluan semasa waris bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka terus terbela.



Dalam lawatan tersebut, bantuan kecemasan tunai berjumlah RM1,000 telah disampaikan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahlim. MAIPK komited untuk terus menyalurkan bantuan bersesuaian kepada waris mangsa dan keluarga berdasarkan keperluan semasa, sebagai usaha meringankan beban yang ditanggung.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Pengarah YADIM Perak, Ramdani Abdul Karim; Penghulu Kanan Mukim Batu Kurau, Ahmad Zarudi Shahrani; serta Penghulu Mukim Batu Kurau, Zul Hakimy Osman.



Terdahulu, mangsa dilaporkan maut selepas motosikal yang ditunggangnya dirempuh sebuah kenderaan yang dipandu secara berbahaya dan disyaki berada di bawah pengaruh alkohol. Kenderaan tersebut dipercayai memasuki laluan bertentangan sebelum merempuh mangsa, menyebabkan kematian di tempat kejadian.

Zon Selatan

SLIM RIVER, 16 April 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited dalam menyantuni golongan memerlukan apabila mengadakan program turun padang melalui inisiatif Skwad Prihatin Asnaf di Felda Besout 3. Program tersebut disertai oleh Anggota MAIPK, Encik Muhammad Naim Al Amin bersama Pengurus Besar MAIPK Zon



MAIPk Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf

Zon Barat



TELUK INTAN, 8 April 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Teluk Intan turun padang dalam program Ziarah Asnaf dengan menyantuni lima keluarga asnaf. Turut serta Orang Besar Jajahan Hilir Perak, YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan bin Mahayudin, Pengurus Besar MAIPk Daerah Zon Barat, Encik Mohd Latif bin Talib, Pegawai Daerah Hilir Perak, Puan Mufidah binti Mahfodz dan pegawai daripada jabatan serta agensi di daerah Hilir Perak.

Ziarah pertama, menemui adik Aisy Nur Iman Nadhirah binti Mohamat Nahri yang menghidap masalah buah pinggang kronik sejak lahir dan telah menerima Bantuan Perubatan MAIPk berjumlah RM45,273.50 sejak tahun 2023. Turut disantuni ialah Muhd Hamizan bin Mohd Ghazali, 19, yang terlantar akibat kemalangan jalan raya dan MAIPk menyalurkan bantuan perubatan berjumlah RM8,000.00 sejak tahun 2025.

Rombongan turut menziarahi Encik Rozi bin Samad, 51, yang menjalani rawatan dialisis dan menerima bantuan kewangan bulanan berjumlah RM1000.00, bantuan perubatan berjumlah RM3100.00 sejak tahun 2020 dan bantuan penyelesaian hutang berjumlah RM1500.00.

Selain itu, Encik Abdul Hanib bin Ahmad, 65, menjaga anaknya Mohammad Fadil Bin Abdul Hanib, 19, telah terlibat dalam kemalangan yang koma sejak kemalangan pada tahun 2021. MAIPk menyalurkan bantuan kewangan RM500.00 sebulan dan bantuan perubatan dari tahun 2021 sehingga kini berjumlah RM30,700.

Ziarah diakhiri dengan kunjungan ke rumah Encik Abdullah bin Haman, 58, yang terlantar akibat strok. Selain bantuan kewangan bulanan RM400.00 dan bantuan perubatan berjumlah RM12,600, MAIPk turut membantu meningkatkan pendapatan keluarga melalui bantuan modal kepada isterinya berjumlah RM7,000 dan bantuan latihan keusahawanan asnaf berjumlah RM9,200.

MAIPK Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf



Zon Barat


BAGAN DATUK, 30 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Bagan Datuk telah menganjurkan Program Ziarah Syawal ke enam buah rumah asnaf di Mukim Teluk Bharu, Mukim Sungai Sumun dan Mukim Rungkup bersempena bulan Syawal dan menyampaikan bantuan perubatan kepada golongan yang memerlukan.

Rombongan ziarah diketuai oleh Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, Toh Paduka Lela Dato' Dr. Khalid bin Ismail bersama Pegawai Daerah Bagan Datuk iaitu Tuan Nazrul Fazami bin Mohamad dan diiringi oleh Pengurus Besar MAIPK Daerah Zon Barat, Encik Mohd Latif bin Talib dan Pengurus MAIPK Cawangan Bagan Datuk, Cik Nor Najihah binti Mat Munon. Turut sama memeriahkan konvoi ziarah ini ialah pegawai daripada jabatan serta agensi di daerah Bagan Datuk.

Antara penerima bantuan yang disantuni ialah Puan Siti Aminah binti Saikon, 82, menerima bantuan perubatan MAIPK bernilai RM5,500.00 merangkumi katil, lampin pakai buang dan susu. Puan Lilisuriani binti Mat Som pula menerima bekalan lampin pakai buang selama enam bulan bernilai RM1,700.00. MAIPK turut membantu adik Nur Alia Ellisya binti Zafuan Nizul, 19, mengalami kecederaan serius akibat kemalangan jalan raya dengan bantuan hampir RM8,500.00 meliputi katil, tilam, lampin pakai buang dan ubat-ubatan.

Selain itu, Encik Abu Bakar bin Haramin, 63, pesakit strok terlantar, menerima bantuan MAIPK berupa lampin pakai buang bernilai RM2,000.00, manakala Encik Amran bin Kamari, 57, yang turut menghidap strok menerima bantuan susu dan lampin pakai buang berjumlah RM3,700.00.

Ziarah rombongan diakhiri dengan menyantuni asnaf mualaf, Encik Abu Bakar bin Abdullah, yang berketurunan India dan bekerja sebagai tukang cuci bagi menyara kehidupan keluarganya. Dalam lawatan ini, bantuan kotak makanan dan wang tunai turut disampaikan kepada penerima bagi meringankan beban perbelanjaan harian keluarga penerima.



MAIPk Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf

Zon Utara



SUNGAI SIPUT, 29 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited dalam menyantuni golongan asnaf melalui Skim Bantuan Perubatan bagi membantu meringankan beban kos rawatan dan keperluan harian pesakit.

Seorang penerima iaitu Puan Soluma binti Pandak, 62, yang menetap di Kampung Hussin, Jalong Tinggi telah menerima Bantuan Perubatan MAIPk susulan masalah kesihatan yang dihidapi. Beliau menghidap jangkitan

paru-paru, kegagalan jantung, kencing manis serta darah tinggi yang menyebabkan pergerakan harian menjadi terbatas akibat bengkok pada kaki.

Bagi meringankan beban tersebut, MAIPk telah meluluskan sebanyak RM5,064.00 untuk menyalurkan bantuan berupa sebuah katil hospital, 12 karton lampin pakai buang serta sebuah kerusi roda bagi memudahkan pergerakan pemohon di rumah dan urusan mendapatkan rawatan di Hospital Ipoh.

Penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Encik Zul-Azri bin Hosaini. Semoga Puan Soluma diangkat segala kesakitan, diberi kekuatan dan dikurniakan kesembuhan oleh Allah SWT.

Zon Timur



SUNGAI SIPUT, 25 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus memainkan peranan dalam membantu golongan asnaf yang memerlukan melalui Skim Bantuan Perubatan. Seorang penerima, Encik Ahmad Jalalluddin bin Mohd Lani, 41, yang menetap di Felda Lasah telah menerima bantuan perubatan selepas mengalami serangan strok pada Februari 2026 yang menyebabkan beliau kini terlantar dan memerlukan penjagaan sepenuhnya.

Encik Ahmad Jalalluddin merupakan pemegang kad Orang Kurang Upaya fizikal, menghidap penyakit darah tinggi dan kencing manis serta perlu mengambil suntikan insulin. Beliau sebelum ini bekerja sebagai pengawal keselamatan dan kini dijaga oleh isterinya yang merupakan suri rumah.

Bagi membantu keperluan kesihatan harian Encik Ahmad Jalalluddin, MAIPk telah meluluskan bantuan berupa 11 karton lampin pakai buang serta 162 tin susu Glucerna Vanila dengan jumlah keseluruhan kos sebanyak RM15,832.00 untuk pembekalan selama 6 bulan.

Penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Encik Zul-Azri bin Hosaini. Semoga bantuan ini dapat meringankan beban kewangan keluarga Encik Ahmad Jalalluddin serta memastikan keperluan perubatannya terus terjaga dengan baik dan dikurniakan kesembuhan oleh Allah SWT.

MAIPk Santuni dan Serah Bantuan Kepada Asnaf

Zon Utara



PARIT BUNTAR, 21 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah meluluskan bantuan berjumlah RM26,000 bagi membantu dua pesakit terlanjar di daerah Kerian. Kelulusan tersebut diumumkan oleh Toh Maharaja Indera Dato' Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad, Orang Besar Jajahan Kerian merangkap Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Daerah Kerian (JKBD) ketika menziarahi kedua-dua pesakit di sekitar Parit Buntar dan Bagan Serai hari ini. Bantuan berkenaan telah diputuskan dalam Mesyuarat JKBD yang bersidang sebelum ini.



Dua pesakit terbabit, Muhammad Aiman Haikal bin Mazlan, 18, dari Taman Berlian, Parit Buntar dan Mohamad Farid Esmad bin Mat Nayan, 37, dari Parit Haji Ismail 3, Bagan Serai, menghidap penyakit saraf yang menyebabkan mereka tidak berupaya bergerak serta bergantung kepada susu khas bagi kelangsungan hidup.

Selain keperluan pemakanan khusus, pesakit juga memerlukan peralatan sokongan seperti tilam dan katil khas. Mereka turut memerlukan lampin pakai buang serta beg khas bagi pengurusan keperluan harian, yang melibatkan kos pembekalan yang tinggi.

Turut hadir, Pengurus Besar MAIPk Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim yang menegaskan komitmen MAIPk dalam membantu golongan asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan, khususnya pesakit yang memerlukan sokongan perubatan berterusan sepanjang hayat. Menurut beliau, bantuan yang disalurkan diharap dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pesakit serta keluarga.

MAIPk Realisasikan Impian Asnaf Miliki Rumah Sempurna

Zon Tengah



SERI ISKANDAR, 31 Mac 2026 – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Cawangan Seri Iskandar terus komited dalam memastikan kebajikan golongan asnaf terbelas dengan menyalurkan Bantuan Bina Rumah kepada dua penerima di sekitar daerah ini. Bantuan tersebut melibatkan pembinaan dua buah rumah baharu dengan jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan adalah sebanyak RM155,800.00.

Penerima bantuan ialah Puan Latipah binti Ishak yang menetap di Kampung Baru Bota dan Encik Syed Rahiman bin Syed Ghazali dari Kampung Parit 11, Titi Gantung. Kedua-dua penerima merupakan golongan asnaf yang memerlukan bantuan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat untuk meneruskan kehidupan harian.

Majlis penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Cawangan MAIPk Seri Iskandar, AF Ustaz Fadzil bin Mustaffa. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MAIPk dalam mengagihkannya dana zakat secara efektif, khususnya dalam membantu golongan asnaf memiliki kediaman yang lebih sempurna.

Zon Timur



KUALA KANGSAR, 8 April 2026 - Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Kuala Kangsar terus komited dalam memastikan kesejahteraan golongan asnaf melalui penyediaan tempat tinggal yang selesa dan selamat.

Bantuan bina rumah 3 bilik berkeluasan 850 kaki persegi bernilai RM93,500.00 telah disalurkan kepada Mohamad Addy bin Mohamad Labib yang menetap Kampung Tahan Chegar Galah, Sauk.

Penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Encik Zul-Azri bin Hosaini sebagai tanda keprihatinan MAIPk dalam membantu golongan yang memerlukan, khususnya dalam menyediakan kediaman yang lebih sempurna untuk meneruskan kehidupan harian.

MAIPk Realisasikan Impian Asnaf Miliki Rumah Sempurna

Zon Tengah



SERI ISKANDAR, 28 April 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Seri Iskandar terus komited dalam memperkasa kebajikan golongan asnaf melalui pelaksanaan Bantuan Bina Rumah bagi menyediakan kediaman yang lebih selesa dan selamat.

Dalam usaha tersebut, MAIPk telah meluluskan pembinaan dua buah rumah baharu dengan kos sebanyak RM169,500.00 kepada dua penerima iaitu Puan Jamaayah binti Sabran yang menetap di Kampung Kuchai, Lambor Kiri serta Puan Siti Fatinah binti Manaf di Kampung Nyiur, Tanjong Belanja. Majlis penyerahan bantuan telah disempurnakan oleh Pengurus Cawangan MAIPk Seri Iskandar, Encik Ahmad Fadzil bin Mustaffa.

MAIPk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pembayar zakat atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan. MAIPk sentiasa komited memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam memastikan kebajikan asnaf sentiasa terbela.



Reka bentuk dalam rumah

Seminar Pengendalian Kes Sewaan MAIPK Perkukuh Aspek Perundangan Hartanah



IPOH, 20 April 2026 – Bahagian Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah menganjurkan Seminar Pengendalian Kes Sewaan Bersama Panel Peguam MAIPK melibatkan panel peguam MAIPK iaitu Cik Siti Aisiah binti Azit dan Cik Nurul Farzana binti Rus Bakarruraini daripada Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners, pekhidmat MAIPK daripada Bahagian Wakaf, Bahagian Baitulmal serta MAIPK Cawangan.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pekhidmat MAIPK yang mengendalikan urusan sewaan berkaitan aspek perundangan. Seminar ini juga bertujuan menjadi platform perkongsian pengalaman dan pandangan daripada pengamal undang-undang bagi memperkukuhkan pengurusan kes penyewa ingkar yang melibatkan hartanah milik MAIPK



Tapak masjid, surau di Perak diwartakan Tanah Rizab Melayu

IPOH: Kerajaan negeri menetapkan semua tapak masjid dan surau dikeluarkan hak milik berdaftar serta diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu bagi menjamin keselamatan dan kelestarian aset umat Islam.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, bagi mempercepatkan urusan itu, kuasa meluluskan permohonan tapak rumah ibadat sedia ada telah diwakilkan terus kepada Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak.

Katanya, langkah itu merupakan pendekatan proaktif bagi mengelakkan pertikaian sempadan atau pertindihan hak milik seperti yang pernah berlaku memabitkan Masjid Jamek Ar-Rizdan, Alor Pongso.

"Kerajaan negeri melalui PTG dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAP) sememangnya memandang serius isu pemilihan tanah institusi rumah ibadat.

"Sebagai langkah proaktif untuk mengelakkan pertikaian sempadan atau pertindihan hak milik, semua tapak tapak masjid dan surau diukur secara halus,

dikeluarkan hak milik berdaftar dan diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu," katanya.

Mengulus isu Masjid Al-Kurawi di Batu Kurau, beliau berkata, tapak tersebut sebenarnya merupakan tanah rizab masjid yang telah diwartakan sejak tahun 1908.

Bagaimanapun katanya, bagi mempercepatkan proses pemilihan di bawah Kanun Tanah Negara, MAIAP selaku pemegang amanah tunggal telah mengemukakan permohonan perbermilikan kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Larut dan Matang pada 6 Oktober 2017.

"Permohonan tersebut telah diluluskan pada 8 Mac 2022 dan MAIAP telah menjelaskan sepenuhnya bayaran premium melalui Notis 5A pada 25 Mac 2022 dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pengeluaran geran hak milik, Saarani berkata, perkara itu

berlaku daripada proses teknikal penyempurnaan pewartaan kawasan tersebut sebagai kawasan Rizab Melayu.

Utusan Malaysia
Jumaat 20 April 2026 | Marhan Meero

lokal

Pernah jadi penyarah sebelum bergelar asnaf

Rozita bangkit ubah hidup selepas sertai Program Pemerkasaan Ekonomi Asef MAIPK




Rozita Meero, 42, pernah menjadi penyarah di sebuah syarikat sebelum bergelar asnaf. Setelah bertapa selama tiga tahun, dia memutuskan untuk mengubah hidupnya. Dia sertai Program Pemerkasaan Ekonomi Asef (PEA) MAIPK dan kini menguruskan 'Snack Studio' di rumahnya. Dengan modal RM10,000, dia berjaya menghasilkan pendapatan bulanan RM2,000. Rozita juga aktif dalam komuniti asnaf dan sering berikhtisam dengan orang lain.

66 orang asnaf telah berjaya memulakan perniagaan mereka sendiri.

Utusan Malaysia
Jumaat 20 April 2026

lokal

Dari asnaf kepada tauke cetak

Kelas pembantu IT bersyarik program, bantuan dihantar MAIPK paca penerangan berkembang



Seorang asnaf yang pernah berkecimpung dalam perniagaan kecil, kini telah bertukar menjadi seorang 'tauke cetak' (petty trader) dengan membuka kedai cetak di rumahnya. Beliau telah menghadiri kelas pembantu IT yang dianjurkan oleh MAIPK. Melalui kelas ini, beliau telah mempelajari kemahiran asas komputer dan perisian yang diperlukan untuk menguruskan kedai cetaknya. Beliau juga menerima bantuan kewangan dari MAIPK untuk membeli peralatan cetak dan bahan-bahan yang diperlukan.

28 Utusan Malaysia KHAMIS • 23 APRIL 2026

Dalam Negeri

MAIPK lulus RM26,000 bantu dua pesakit terlantar di Kerian

Oleh WAT KAMAL ABAS
w.kamal@medanulima.com.my

PARTI BUNAR: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) meluluskan bantuan berjumlah RM26,000 bagi membantu dua pesakit terlantar di daerah Kerian dalam usaha merengikan beban kewangan keluarga tersebut.

Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd. Sauf Ibrahim berkata, kelulusan itu ditumun-

kan oleh Pengerusi Jawatankuasa Baitulmal Daerah (JBKD) Kerian, Tq Maharaja Aendera Datuk Dr. Khairul Anuar Arshad semasa menziarahi dua pesakit di Parit Haji Ismail 3, Bagian Serai dan Taman Berlian di sini.

"Bantuan berkenaan telah dipersetujui dalam mesyuarat JBKD yang berdisand sebelum ini sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan MAIPK membantu golongan asnaf dan mereka yang memerlukan.

"Dua penerima bantuan tersebut, Muhammad Aiman Haikal Mazlan, 18, di Parit Buntar dan Mohamad Farid Esmed Mat Nayan, 37, di Bagian Serai yang masing-masing menghidap penyakit saraf sehingga menyebabkan mereka tidak berupaya bergerak," katanya kepada Utusan Malaysia.

Difahamkan, kedua-dua pesakit bergantung sepenuhnya kepada susu khas bagi kelangsungan hidup, selain memeruti-

kan penjagaan rapi sepanjang masa.

Selain keperluan pemakanan khusus, pesakit juga memerlukan peralatan perubahan seperti katil dan tilam khas, selain penggunaan lampin pakai buang serta beg khas untuk pengurusan sisa yang melibatkan kos perbelanjaan tinggi.

Mohd. Saufi berkata, bantuan yang disalurkan diharap dapat meringankan beban kewangan keluarga pesakit, selain memastikan keperluan asas mereka terus terjaga.

"MAIPK akan terus komited menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf, khususnya pesakit yang memerlukan sokongan perubahan jangka panjang," katanya.

Tambahnya, MAIPK sentiasa prihatin terhadap nasib golongan kurang berkemampuan yang akan memastikan bantuan yang sewajarnya disampaikan bagi meningkatkan kualiti hidup.



Penyaluran Dana Manfaat Wakaf Saraan Negeri Perak



Dana Manfaat Wakaf Saraan Negeri Perak yang telah disalurkan pada bulan Januari hingga Februari 2026.

JAN-FEB
TAHUN 2026



MASJID

82 penerima
RM 200,698.64



SURAU

57 penerima
RM 123,030.00



**SEKOLAH AGAMA
RAKYAT**

20 penerima
RM 28,394.33



KUBUR

24 penerima
RM 45,765.07

JUMLAH → 183 penerima
KESELURUHAN → RM 397,888.04

"Amanah ditunaikan, ummah diperkasakan."

Satu niat, Satu pemberian, Seribu keberkatan yang tak terhenti, Walau jasad telah pergi



Moh kome kita berwakaf!
Imbas kod QR sekarang!



www.maipk.gov.my/



05-208 4000



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



عائس ائكار اسلام
دارن عادت ملاو لراي

RUANGAN PEJABAT EKSKLUSIF UNTUK DISEWA

Lokasi Strategik

BERHAMPIRAN DENGAN:

- ✓ BIMB & BSN
- ✓ KTM Ipoh
- ✓ Hotel Riverfront
- ✓ Pejabat SUK



Kompleks Islam
Darul Ridzuan



MAKLUMAT RUANG

✓ Keluasan: 400.83 meter persegi
(≈ 4,314.49 kaki persegi)

📍 Tingkat 8
Kompleks Islam Darul Ridzuan

BOOK SITE VISIT

05-2084009 / 05-2084010

KEMUDAHAN DISEDIAKAN

- ✓ Penyaman udara
- ✓ Sistem keselamatan
- ✓ Surau
- ✓ Bilik mesyuarat
- ✓ Akses parkir
- ✓ Kafe
- ✓ ATM berhampiran

**TERBUKA KEPADA
AGENSİ KERAJAAN/BADAN BERKANUN/SYARIKAT SWASTA**